

Barisan baru MT lebih mantap

BH - 2 JUL 2000

Oleh **SHARIFUDIN MOHAMED, LICHONG ANGKUI, SARIHA MOHD ALI, FUAD RAZALI, ZAINUDIN ISA, DAUD AWANG, RAHMAN HASHIM, ZIANDDIN SHARUDDIN, JUNITA MAT RASID, WAN ESURIYANTI WAN AHMAD, NOOR JAAFAR, VEENA RUSLI, MUHD YUSUF ABU BAKAR, NAZURA NGAH, AZRI ONN, MANZAIDI MOHD AMIN dan RASIDI KARIM**

KUALA LUMPUR: Barisan muka lama dan baru dalam Majlis Tertinggi (MT) kali ini lebih mantap sekali gus boleh diterima setiap lapisan terutama generasi muda serta pelapis Umno.

Kalangan pemimpin kanan Umno menyifatkan pelantikan 10 anggota MT termasuk lima muka baru kelmarin, membuktikan Umno yakin dengan kemampuan barisan baru dan ia melambangkan satu perubahan dalam parti yang perlu dilihat secara positif.

Pemimpin yang tewas dalam pertandingan merebut kerusi Naib Presiden atau anggota MT dalam Perhimpunan Agung Umno. Mei lalu dan tidak dilantik kelmarin turut menerima hakikat mereka digugurkan daripada barisan tertinggi parti.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pelantikan muka baru dalam MT termasuk mereka yang aktif dalam badan bukan kerajaan (NGO), bukan langkah pelik.

"Umno perlu juga memerhati, mendengar dan memahami apa yang berlaku dalam NGO.. apa yang menarik pandangan mereka dan apa yang mereka prihatin.

"Kalau ada orang berpengalaman dalam NGO, saya ingat relevan juga untuk dia memainkan peranan serta memberikan sumbangan dalam perbincangan MT," katanya.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata pelantikan 10 anggota MT Um-

no itu adalah gabungan kepelbagaian yang seimbang dan secara tidak langsung boleh menyumbang idea baru.

"Pelantikan itu juga melambangkan hasrat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk melihat komposisi seimbang dalam MT," katanya sambil menyifatkan pemilihan muka baru itu dilihat sebagai antara kelainan dalam pelantikan anggota MT.

Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, uelantikan Ketua Pengerangan Pergerakan Pemuda Umno, Azimi Daim, menganggotai MT adalah penghormatan kepada pergerakan itu yang mempunyai kira-kira 700,000 ahli.

"Ini adalah tanggungjawab besar, dan saya berharap dengan kedudukan itu kelak Azimi boleh membantu saya serta rakan lain memikirkan perkara penting untuk membetulkan kelemahan parti," katanya.

Sementara itu, bekas calon Naib Presiden, Datuk Dr Rais Yatim, menasihatkan pemimpin tidak berkecil hati jika tidak dilantik menganggotai MT.

Beliau berkata, keputusan itu tidak bermakna calon lain tidak layak memegang jawatan berkenaan tetapi penekanan muka baru melambangkan satu perubahan positif.

Di KUALA TERENGGANU, Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata pengguguran Abu Hassan dan Mohd Isa sebagai anggota MT perlu dilihat sebagai

usaha mengukuhkan parti pada peringkat negeri.

Katanya, Dr Mahathir mempunyai sebab untuk mengugurkan dua tokoh berkenaan.

Di KANGAR, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, berjanji berkhidmat lebih cemerlang kepada parti selepas dilantik menganggotai MT dan Pengerusi Perhubungan Umno negeri.

"Saya sebelum ini tidak membuat sebarang dugaan samaada dilantik semula atau tidak, bagi jawatan MT kerana ramai lagi tokoh Umno yang perlu dilantik menduduki jawatan itu," katanya ketika dihubungi di Sepanyol, semalam.

Di LABUAN, Ketua Pengerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamed menyifatkan pelantikannya sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan sebagai tugas besar dan mencabar dalam usaha memulihkan keyakinan rakyat negeri itu terhadap Umno.

"Saya orang baru dalam politik namun saya akan mengemblem tenaga dan keupayaan bersungguh-sungguh untuk memenuhi harapan Presiden dan parti," katanya yang turut terkejut dan tidak menyangka pelantikan itu.

Di KOTA KINABALU, bekas Ketua Menteri, Datuk Salleh Said menyifatkan pelantikannya sebagai Timbalan Ketua Perhubungan Umno Sabah cukup mengejutkan.

"Sebagai rakan separtisan dan setia kepada parti, saya sedia berganding bahu untuk me-

laksanakan tanggungjawab diamanahkan. Sehingga kini saya cukup gembira bekerja bersama Osu," katanya.

Sementara itu, Osu yang dilantik semula menjadi Ketua Perhubungan Umno negeri dan anggota MT tidak dapat dihubungi kerana menghadiri konvokesyen anaknya di London.

Di KUANTAN, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, menyifatkan pelantikannya sebagai Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Negeri, memberi peluang lebih meluas kepadanya menumpukan kepada urusan pentadbiran negeri.

"Dulupun, Pengerusi Perhubungan Umno tidak semestinya Menteri Besar," katanya.

Di REMBAU, Mohd Isa berkata, tidak timbul masalah baginya walaupun beliau tidak dilantik menganggotai MT. Beliau bagaimanapun dilantik semula sebagai Pengerusi Perhubungan Umno negeri dan berkata pengalaman itu pernah dilalui ketika mula menjadi Menteri Besar pada 1982.

Di MELAKA, Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, menganggap pelantikannya sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, sebagai satu tanggungjawab berat yang perlu dilaksanakan dengan berkesan.

Di JOHOR BAHRU, Ketua Pengerangan Umno Johor, Mohammed Khaled Nordin, berkata senarai baru MT itu dianggap mantap kerana ia meliputi kombinasi muka lama dan calon yang berpotensi.